

01/06/1998

Bumiputera perlu terus gembleng tabungan

PADA 29 Mei lalu, diadakan pelancaran Kempen Menabung Bersepadu Skim Amanah Saham Bumiputera (ASB) dan Amanah Saham Wawasan 2020 (ASW 2020) di Ipoh, Perak. Pelancaran itu dilakukan oleh Menteri Besar, Tan Sri Ramli Ngah Talib. Kempen itu adalah satu lagi usaha Permodalan Nasional Bhd (PNB) dan Amanah Saham Nasional Bhd (ASNB) dalam menggembelng simpanan masyarakat negara ini bagi membantu pertumbuhan pembangunan ekonomi negara.

Ia juga selari dengan Kempen Galakan Menabung Peringkat Kebangsaan yang dilancarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, tahun lalu. Oleh kerana usaha penggalakan penabungan ini adalah satu usaha yang berterusan, maka PNB dan ASNB menyahut seruan kerajaan melalui kempen yang dianjurkannya pula. Malah, pada 4 Jun ini, satu lagi usaha iaitu Kempen Menabung ASNB Peringkat Kebangsaan akan diadakan di Kota Bharu, Kelantan.

Fungsi PNB dalam pembangunan ekonomi negara bertitik tolak daripada gagasan Dasar Ekonomi Baru (DEB) pada 1970. DEB berfungsi menyusun semula struktur ekonomi masyarakat Malaysia agar ia lebih seimbang dan mampu mewujudkan integrasi nasional antara kaum di negara ini. Maka, PNB ditubuhkan pada 1978 sebagai salah satu jentera kerajaan yang mampu menggembelng dan menggalakkan rakyat negara ini khususnya Bumiputera dalam usaha menabung dan melabur. Tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa PNB berjaya menarik penyertaan daripada Bumiputera untuk melabur dalam saham amanah melalui skim yang diuruskan.

Sehingga kini, nilai pelaburan yang berjaya dikumpul ialah RM30 bilion dengan pelabur lebih enam juta orang.

Kejayaan ini memberi sumbangan kepada strategi pengagihan hak milik dan penguasaan korporat negara kepada masyarakat negara ini khususnya Bumiputera. Menurut laporan bagi Rancangan Malaysia Ketujuh (RM-7) berdasarkan kejayaan Rancangan Malaysia Keenam (RM-6); (1991-1995) hasil daripada usaha ini, pemilikan ekuiti korporat Bumiputera meningkat daripada 19.3 peratus pada 1990 kepada 20.5 peratus pada 1995. Selaras itu, kadar pertumbuhan purata tahunan bagi peningkatan ini ialah 12.1 peratus.

Bagaimanapun, kadar pertumbuhan purata tahunan pegangan ekuiti rakyat asing pada kadar 12.6 peratus adalah lebih tinggi jika dibandingkan dengan 12.1 peratus bagi Bumiputera dan sembilan peratus bagi bukan Bumiputera.

Selaras itu, masyarakat harus melipatgandakan usaha bagi menjadikan amalan menabung ini suatu amalan berterusan walaupun apabila negara sudah pulih daripada kegawatan ekonomi. Sehingga akhir 1995, negara mencatat kadar tabungan sebanyak 34.2 peratus daripada Keluaran Negara Kasar (KNK) berbanding 30.5 peratus pada 1990. Pertambahan ini dibantu oleh pertumbuhan institusi saham amanah, pertambahan skim unit saham amanah, pengenalan instrumen baru tabungan baru dan melalui usaha kerajaan dalam menyelaraskan dan menyelia sistem kewangan negara supaya lebih cekap.

Fungsi yang dimainkan oleh pelabur dari segenap peringkat adalah penting bagi mastikan negara tetap utuh dalam menangani kegawatan yang berlaku. Bahkan baru-baru ini, Perdana Menteri sendiri pernah mengumumkan bahawa nilai kekayaan rakyat negara ini bernilai RM3 trilion yang boleh digembelng supaya ia lebih produktif dan dapat memberi sumbangan kepada pertumbuhan pembangunan ekonomi negara.

Antara kekayaan rakyat seperti barangan kemas yang kebanyakan hanya disimpan dan diperagakan. Malah, kempen menabung yang dilancarkan di

peringkat negeri dapat memberi kesedaran kepada orang ramai mengenai kepentingan usaha ini. Berdasarkan perancangan dalam RM-7, strategi ekonomi makro menggariskan agenda menggembleng tabungan dalam negeri yang tinggi bagi menyokong pelaburan dalam negeri.

Ini penting kerana melalui tabungan yang dapat dikumpul, usaha pembangunan dapat dijalankan dan ini menyumbang kepada aktiviti ekonomi yang lebih aktif dan berdaya maju.

Adalah diharapkan melalui kempen yang dijalankan mampu menampung keperluan ekonomi negara untuk terus aktif. Penyertaan pelaburan daripada Bumiputera harus ditingkatkan kepada kadar yang lebih baik apatah lagi masih ramai lagi yang belum menyertai skim saham amanah seperti skim ASB dan ASW 2020.

(END)